

## KOMPETENSI KOMUNIKASI INTERPERSONAL BELIA DI SELANGOR

ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS & WAN ANITA WAN ABAS

### ABSTRAK

*Kompetensi komunikasi interpersonal (KKI) adalah antara kemahiran yang paling penting kepada belia terutamanya ketika hendak mencari pekerjaan. Di samping itu, kepentingan kompetensi komunikasi interpersonal pada masa kini sudah tidak dapat dinafikan lagi kerana elemen kompetensi komunikasi interpersonal merupakan aset terpenting bagi membolehkan individu itu mampu bersaing dalam mendapatkan pekerjaan yang mereka ceburi. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan sebagai tujuan untuk mengetahui tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan elemen teori kompetensi komunikasi interpersonal dan untuk mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia di Selangor. Seramai 400 orang belia telah dipilih menjadi subjek kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik. Selain itu, nilai Cronbach Alpha bagi keseluruhan item kajian ini di dapati berada di atas 0.70 kesemuanya. Manakala, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan belia di Selangor lebih menguasai elemen pengetahuan dalam kompetensi komunikasi interpersonal. Bagi ujian t sampel bebas pula mendapat tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan kepada perbezaan jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Hubungan kaum dan kompetensi komunikasi interpersonal pula tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan. Akhir sekali, beberapa cadangan kajian masa hadapan dinyatakan, antaranya ialah melihat faktor penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal dari segi penerapan dalam pembelajaran di universiti, rakan sebaya dan media.*

**Kata Kunci:** Faktor Demografi Belia, Kompetensi Komunikasi Interpersonal.

### ABSTRACT

*Interpersonal communication competence (ICC) is among the most important skills to youth especially when looking for a job. In addition, the importance of interpersonal communication competence at the present time is undeniable since the elements of interpersonal communication competence is the most important asset to enable an individual to compete in getting a job. Therefore, this study is conducted as a goal to know the level of competence of youth interpersonal communication competency based on the theory elements of interpersonal communication competency and to identify the relationships between demographic factors and the level of youth interpersonal communication in Selangor. A total of 400 youth have been selected as the subject of this study. The research method used is the quantitative method by distributing questionnaires. In addition, the Cronbach Alpha value for the entire item of this study was above 0.70. Meanwhile, the results of the*

*study showed that youth in Selangor are more master in the knowledge element in the interpersonal communication competence. For an independent t test sample, the level of competency of youth interpersonal communication competence based on gender differences did not show significant differences. Ethnic relationships and interpersonal communication competence did not show significant relevance. Finally, some future research proposals are presented, among others, to see the factor of mastering the competence of interpersonal communication competence in terms of applying in learning at universities, with peers and media.*

**Keywords:** *Youth Demographic Factor, Interpersonal Communication Competence.*

## **PENGENALAN**

Kompetensi komunikasi interpersonal merupakan salah satu keperluan terpenting kepada belia yang akan menceburkan diri dalam dunia pekerjaan kelak. Ini kerana demi menyelaraskan kepesatan pembangunan yang sedang berlaku pada masa kini, negara sebenarnya sedang menghadapi masalah sumber manusia yang memiliki kemahiran insaniah yang sejajar dengan arus pembangunan di negara ini (Nor Zalifah, 2012). Disebabkan hal tersebut, menguasai kompetensi komunikasi interpersonal merupakan salah satu langkah utama untuk menempuh cabaran pembangunan globalisasi yang berasaskan kepada pengetahuan yang luas, motivasi yang baik dan kemahiran yang tinggi (Baharom & Mohd Johdi, 2010). Antara pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal adalah dengan melihat perkaitan antara faktor demografi dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia. Contohnya melihat perkaitan bangsa dan jantina yang sering menjadi ciri utama dalam variabel demografi bagi sesbuah penyelidikan. Selain itu, pengkaji menggunakan variabel faktor demografi kerana pengkaji terdahulu telah membuktikan bahawa faktor keluarga, pembelajaran dan media sosial memainkan peranan dalam tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal (Faizullah, 2014). Namun begitu, penelitian secara empirikal yang mengatakan faktor demografi mempunyai hubungan dengan tahap penguasaan kemahiran insaniah khususnya kompetensi komunikasi interpersonal adalah masih sukar ditemui dalam konteks masyarakat di Malaysia khususnya para belia di negara ini.

### **Penyataan Masalah**

Isu mengenai belia sukar memiliki pekerjaan kerana kurang kompeten sering dikaitkan dengan kelemahan belia dari segi kemahiran insaniah terutamanya penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal. Shamsuddin (2012), seramai 400,000 belia di negara ini tidak mempunyai pekerjaan. Bahkan populasi ini semakin meningkat saban tahun, sebagai mana yang dinyatakan dalam laporan statistik kes pengangguran oleh Jabatan Perangkaan (2015) bahawa jumlah belia yang tidak bekerja pada tahun 2014 sahaja adalah seramai 439,000 orang.

Bahkan, jika diteliti pada akhbar-akhbar dan blog-blog pendidikan masa

kini, kita sering dipaparkan mengenai belia sekarang yang semakin kurang memiliki daya kompeten dalam pelbagai aspek dan menyebabkan majikan kurang berminat untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Sebagaimana kenyataan Maznah (2014) iaitu kelemahan belia memiliki daya kompetensi menyebabkan mereka sukar untuk diterima bekerja di mana-mana organisasi.

Selain itu, walaupun ramai pihak yang menyatakan kompetensi komunikasi interpersonal adalah penting terhadap setiap individu namun, kajian berkaitan aspek ini masih lagi terhad dan menyebabkan faktor-faktor yang mempengaruhi kompetensi komunikasi interpersonal tidak dapat dikenal pasti secara lebih tepat. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah dilaksanakan bagi mengecilkan ruang kajian ini dalam konteks masyarakat di Malaysia, iaitu dengan mengenal pasti sama ada faktor demografi mempunyai kaitan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia di negara ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada senario yang diterangkan dalam pernyataan masalah, beberapa objektif kajian telah dikenal pasti seperti berikut, iaitu:

- 1) Mengenal pasti elemen kompetensi komunikasi interpersonal yang dikuasai oleh belia.
- 2) Mengenal pasti tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan perbezaan jantina.
- 3) Mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi terpilih dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia.

## KAJIAN LEPAS

### ***Kompetensi Komunikasi Interpersonal***

Kompetensi komunikasi interpersonal merupakan suatu kemampuan untuk berkomunikasi secara berkesan (Devito, 1995). Keberkesanan dalam hubungan interpersonal adalah bergantung kepada keupayaan seseorang untuk menyampaikan sesuatu secara jelas mengenai apa yang hendak disampaikan. Menurut Johnson (1981), komunikasi yang berkesan akan menimbulkan beberapa perkara kepada pendengar iaitu pengertian, keupayaan untuk memberi maklum balas, mempengaruhi sikap pendengar, hubungan antara penyampai dan pendengar menjadi semakin baik dan bertindak. Oleh itu, beberapa kajian lepas berkaitan kompetensi komunikasi interpersonal dirumuskan seperti di bawah.

Ibrahim, Saedah & Hadiyanto (2012), menyatakan sejak akhir-akhir ini pihak majikan sering kali mempersoalkan mengenai kelemahan belia khususnya graduan universiti yang lemah dari aspek kemahiran insaniah khususnya terutamanya

kompetensi komunikasi interpersonal.

Selain itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Abdul Latif, Adibah, Kassim dan Norhidayah (2010), mendapati tahap penguasaan kompetensi komunikasi pelajar selepas menjalankan latihan industri adalah tinggi, manakala tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar berdasarkan kepada perbezaan jantina pula tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Ini bermakna, perbezaan jantina bukanlah salah satu sebab untuk seseorang itu mudah untuk menguasai kompetensi komunikasi dengan mudah.

Nurul dan Isha (2014) pula mendapati kompetensi komunikasi interpersonal merupakan suatu set kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan. Hasil kajian mereka menunjukkan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar adalah sederhana. Manakala, tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal berdasarkan kepada perbezaan jantina pula tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Hasil kajian Nurul dan Isha sekali lagi menguatkan fakta pengkaji-pengkaji lepas bahawa faktor jantina bukan penentu kepada individu untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal.

Seterusnya, Joshua dan Deffany (2013) pula berpendapat industri masa kini memerlukan bakal pekerja mereka yang memiliki kompetensi yang tinggi dalam pelbagai aspek khususnya dari segi kemahiran insaniah. Walaupun begitu, tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia yang mereka dapat hanya berada pada tahap sederhana. Manakala keupayaan dalam berbahasa Inggeris pula berada pada tahap lemah.

Yahya dan Shahabudin (2010), turut menyatakan bahawa kemahiran komunikasi atau kompetensi komunikasi interpersonal adalah penting dan akan membantu dalam pelbagai aspek kehidupan. Walau bagaimanapun, belia yang terlibat dalam kajian mereka mendapati bahawa tahap kemahiran komunikasi interpersonal mereka hanya berada pada tahap sederhana sahaja.

### ***Teori Kompetensi Komunikasi Interpersonal***

Teori kompetensi komunikasi interpersonal telah diperkenalkan oleh Spitzberg dan Cupach (1984). Menurut mereka, kompetensi komunikasi interpersonal adalah keupayaan dalam memilih sikap yang sesuai dan berkesan berdasarkan kepada situasi tertentu. Kompetensi komunikasi interpersonal juga diertikan sebagai keupayaan untuk berkomunikasi dengan orang lain tanpa menyebabkan air muka seseorang itu jatuh. Terdapat tiga elemen teori yang diambil kira untuk menjadi asas kepada kajian ini dijalankan iaitu pengetahuan, motivasi dan kemahiran.

Pengetahuan dalam teori ini adalah untuk mencapai tujuan berkomunikasi seseorang melalui ilmu pengetahuan yang luas agar proses komunikasi antara penerima dan penyampai maklumat mempunyai maklum balas yang baik dan memuaskan mengenai sesuatu isu yang dibincangkan. Motivasi pula adalah

kehendak individu tersebut untuk berkomunikasi dengan orang lain sebagai tujuan untuk membina hubungan baru atau dalam membuat keputusan. Manakala, kemahiran pula adalah keupayaan seseorang untuk menunjukkan ekspresi semasa berkomunikasi dan keupayaan mengurus komunikasi dengan orang lain.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik secara tinjauan bagi mengetahui perkaitan antara faktor demografi dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia di sekitar Selangor. Kesemua item dalam borang soal selidik pula telah diadaptasikan daripada pengkaji lepas iaitu Spitberg & Cupach (1984). Populasi belia di Selangor pula dipilih disebabkan jumlah populasi belia yang paling ramai berbanding di negeri-negeri lain, iaitu seramai 4,730,300 belia kesemuanya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Maka atas sebab inilah pengkaji memilih Selangor sebagai lokasi dan populasi kajian. Melalui populasi belia di Selangor yang telah dinyatakan maka, seramai 400 orang responden telah dipilih menjadi sampel kajian ini melalui cara penentuan saiz sampel yang diperkenalkan oleh Yamane (1967). Kaedah pensampelan yang digunakan pula ialah pensampelan rawak bertujuan (*purposive sampling*) iaitu hanya memilih individu yang masih dikategorikan sebagai belia yang tinggal di Selangor. Kemudian data-data diperoleh melalui teknik serah dan kutip.

Selain itu, pengukuran skor min adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Di samping itu, pengukuran untuk setiap kenyataan dalam borang soal selidik diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata iaitu, 1 sebagai sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 agak setuju, 4 setuju dan 5 sangat setuju. Seterusnya pengkaji menggunakan skor min untuk mengkategorikan kepada kelas tinggi, sederhana dan rendah. Seperti yang dinyatakan oleh Ghafar dan Najib (1999), jumlah skor min yang diperolehi untuk boleh ubah yang dikaji akan menentukan kecenderungan responden terhadap setiap objektif kajian yang diterbitkan. Oleh itu, interpretasi skor min adalah seperti yang diterangkan dalam jadual di bawah.

**Jadual 1: Interpretasi Skor Min**

Pengukuran min	Skor min
Tinggi (sangat menguasai)	3.68 – 5.00
Sederhana (menguasai)	2.34 – 3.67
Rendah (kurang menguasai)	1.00 – 2.33

### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### *Demografi Responden*

Jadual 2 mendapati lebih daripada separuh belia yang terlibat dalam kajian ini adalah perempuan (65.5%). Majoriti belia kajian ini adalah kaum Melayu (38.8%).

Manakala belia yang berumur sekitar 18-21 tahun merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini (70.8%). Seterusnya, lebih daripada separuh belia adalah beragama Islam (53.0%).

**Jadual 2: Taburan demografi belia mengikut profil (n=400)**

Profil	Kekerapan	Peratusan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	138	34.5
Perempuan	262	65.5
<b>Kaum</b>		
Melayu	155	38.8
Cina	100	25.0
India	83	20.8
Lain-Lain	62	15.5
<b>Umur</b>		
18-21	283	70.8
22-25	117	29.3
<b>Agama</b>		
Islam	212	53.0
Kristian	103	25.8
Buddha	60	15.0
Hindu	25	6.30

***Elemen Kompetensi Komunikasi Interpersonal yang Paling Dikuasai Oleh Belia Elemen Pengetahuan***

Jadual 3 menunjukkan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal elemen pengetahuan secara keseluruhan bagi belia di Selangor adalah tinggi dengan skor min ialah 4.01 dan sisihan piawai 0.070. Ini bermaksud belia di sekitar negeri Selangor sangat menguasai kompetensi komunikasi interpersonal dari segi pengetahuan. Manakala item yang sangat disetujui oleh responden ialah “saya sedar saya dikelilingi oleh orang yang terdiri daripada pelbagai budaya dan bahasa” skor min ialah 4.39 dengan sisihan piawai 0.072. Ini bermakna, belia di Selangor peka akan kehidupan sosial mereka yang dikelilingi oleh masyarakat yang berbilang kaum dan budaya.

**Jadual 3: Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Dimensi Pengetahuan**

n=400	Penyataan	Min	Sisihan Piawai
D1	Saya sedar bahawa saya dikelilingi oleh orang yang terdiri daripada pelbagai budaya dan bahasa.	4.39	0.772

D2	Saya tahu bahawa kombinasi antara bahasa pertuturan dengan bahasa badan ( <i>body language</i> ) adalah penting ketika berkomunikasi.	4.33	0.764
D3	Saya tahu bahawa saya perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami apabila berinteraksi dengan orang yang baru saya kenali.	4.28	0.873
D4	Saya tahu apakah bahasa yang sesuai untuk saya gunakan ketika berinteraksi.	4.20	0.834
D5	Saya dapat menggunakan bahasa yang sesuai ketika berinteraksi dengan orang yang baru saya kenali.	4.12	0.876
D6	Saya sentiasa bersemangat apabila menyampaikan sesuatu perkara.	3.92	0.894
D7	Saya tahu ketika melakukan pembentangan, saya akan mengulang-ulang istilah yang penting.	3.82	0.937
D8	saya boleh memotivasi orang lain dengan pengetahuan dan pengalaman yang saya miliki.	3.78	0.963
D9	Saya tahu untuk mengawal gangguan yang timbul ketika saya berkomunikasi dengan orang lain.	3.78	0.930
D10	Saya menguasai banyak perbendaharaan kata.	3.53	0.946
Keseluruhan		4.01	0.067

### ***Dimensi Motivasi***

Bagi elemen motivasi pula, Jadual 4 menunjukkan skor min keseluruhan untuk elemen ini ialah 3.78 dengan sisihan piawai 0.107. Ini bermaksud belia di sekitar Selangor juga sangat menguasai kompetensi komunikasi interpersonal bagi elemen motivasi. Manakala item yang sangat disetujui oleh belia bagi elemen motivasi ialah “saya menganggap perbezaan pendapat dengan orang lain adalah suatu lumrah” iaitu nilai min 4.22 dengan sisihan piawai 0.800.

### **Jadual 4: Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Dimensi Motivasi**

<b>n=400</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
D11	Saya menganggap perbezaan pendapat dengan orang lain adalah suatu lumrah.	4.22	0.800
D12	Perbezaan kepercayaan tidak menghalang saya untuk berkomunikasi.	4.09	0.911
D13	Saya mendengar dengan baik apa sahaja yang orang lain sampaikan kepada saya.	4.09	0.900
D14	Saya bersikap terbuka apabila berkomunikasi dengan orang yang baru saya kenali.	4.02	0.910
D15	Saya akan mengelak daripada berkomunikasi dengan seseorang apabila saya tahu keadaannya tidak selesa.	3.88	1.030
D16	Saya mampu untuk berkomunikasi dengan baik walaupun berbeza pangkat dan latar belakang.	3.78	0.980

D17	Saya tidak berasa bimbang untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja.	3.76	1.050
D18	Saya mampu menggunakan unsur-unsur humor apabila terdapat tanda-tanda stres ketika berkomunikasi.	3.76	0.943
D19	Saya mampu untuk menghadapi sebarang ketegangan apabila berkomunikasi dengan orang berbeza pandangan.	3.67	0.933
D20	Saya tidak suka dengan perbezaan pendapat.	2.61	1.198
	Keseluruhan	3.78	0.107

### ***Dimensi Kemahiran***

Seterusnya Jadual 5 turut menunjukkan belia sekitar Selangor sangat menguasai kompetensi komunikasi interpersonal dari segi elemen kemahiran dengan nilai min keseluruhan 3.84 dan sisihan piawai 0.071. Manakala, item yang paling dikuasai oleh belia di sekitar Selangor ialah “saya akan berbincang dengan orang lain untuk mendapatkan penyelesaian bagi setiap masalah yang kami hadapi” dengan catatan min 4.11 dan sisihan piawai 0.84. Ini bermakna, belia di negeri ini mempunyai sikap keterbukaan untuk menerima pandangan orang lain apabila ingin melakukan sesuatu perkara.

**Jadual 5: Tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal dimensi kemahiran**

<b>n=400 Penyataan</b>		<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
D21	Saya akan berbincang dengan orang lain untuk mendapatkan penyelesaian bagi masalah yang kami hadapi.	4.11	0.84
D22	Saya mampu untuk menerima pendapat orang lain walaupun berbeza dengan pendapat saya.	4.04	0.841
D23	Saya akan menggabungkan idea saya dan orang lain bagi menyelesaikan konflik yang kami hadapi.	4.00	0.867
D24	Saya mampu membina hubungan yang baik dengan semua orang.	3.94	0.909
D25	Saya mampu menggunakan peranan saya ketika berkomunikasi dengan orang lain.	3.90	0.854
D26	Saya tahu bagaimana untuk mencelah dalam perbualan tanpa menyenggung perasaan orang lain.	3.76	0.934
D27	Saya mampu menyampaikan idea dengan lebih baik apabila berbincang dengan orang yang baru saya kenali.	3.76	0.966
D28	Saya boleh berkomunikasi atau berbincang dengan sesiapa sahaja meskipun mereka baru saja saya kenali.	3.73	1.01
D29	Saya tidak bimbang sekiranya saya menghadapi sesuatu yang tidak pasti dengan orang lain.	3.67	0.95
D30	Saya akan mengelak daripada sesuatu yang tidak pasti.	3.57	1.05
	Keseluruhan	3.84	0.073

### **Perbandingan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Belia Mengikut Jantina**

Jadual 6 adalah jadual ujian-t sampel bebas bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan kepada perbezaan jantina. Ujian ini dilakukan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan kepada perbezaan jantina belia di samping untuk melihat konsistensi penemuan kajian terdahulu dengan hasil kajian yang terkini. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada penemuan dalam Jadual 6, analisis ujian t sampel bebas mendapati bahawa nilai signifikan adalah lebih besar daripada tahap signifikan kajian ini iaitu  $0.594 > 0.05$ . Ini bermaksud tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan kepada perbezaan jantina adalah tidak ketara. Selain itu, penemuan ini juga bermakna jantina yang berbeza tidak menghalang mana-mana individu untuk memiliki tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal yang baik. Penemuan kajian ini adalah konsisten dan telah menguatkan lagi penemuan kajian-kajian terdahulu yang menyatakan bahawa perbezaan jantina bukan penghalang kepada individu untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal seseorang. Antara pengkaji terdahulu yang menyatakan bahawa perbezaan jantina tidak menghalang seseorang untuk memiliki kompetensi komunikasi interpersonal adalah Nurul dan Isha (2014).

**Jadual 6: Ujian-t sampel bebas terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia lelaki dan perempuan (n=400)**

Jantina	n	Purata	Nilai t	Nilai Signifikan
Lelaki	138	118	1.344	0.594
Perempuan	262	115		

### **Perkaitan Antara Faktor Etnik dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Belia**

Seterusnya, selain daripada melakukan ujian perbandingan (ujian-t sampel bebas) tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia berdasarkan kepada perbezaan jantina, pengkaji juga turut melihat perkaitan antara faktor demografi seperti etnik untuk mengenal pasti sama ada ia mempengaruhi seseorang untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal melalui ujian *chi-square*. Sebelum meneruskan analisis (*chi-square*), hipotesis tidak berarah (*non-directional hypothesis*) telah dibentuk seperti di bawah.

**Ha 1:** Terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor latar belakang kaum dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia.

Jadual 7 pula adalah jadual ujian *chi-square* bagi menguji perkaitan antara tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal berdasarkan kepada latar belakang etnik belia di sekitar Selangor. Mengikut kepada *rule of thumb*, nilai perkaitan dalam jadual ini diterjemahkan sebagai nilai signifikan yang positif dan

sangat lemah, iaitu  $X^2=0.128$ . Walau bagaimanapun, melihat kepada nilai signifikan kajian ini, ia menolak hipotesis kajian di atas kerana nilai signifikan hasil kajian ini melebihi paras tahap signifikan kajian ( $\phi = 0.987 > 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis kajian ini gagal diterima dan sekali gus membuktikan faktor demografi, khususnya perbezaan kaum tidak memberikan impak terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia di Selangor.

**Jadual 7: Perkaitan antara faktor perbezaan bangsa dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia (n=400)**

Bangsa	Tahap Penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal belia		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Melayu	2	48	105
Cina	1	30	69
India	1	27	55
Lain-lain	0	19	43
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>124</b>	<b>272</b>

$X^2= 0.128$ ,  $\varphi=0.049$   $\phi = 0.987$ .

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan bahawa elemen kompetensi komunikasi interpersonal yang paling dikuasai oleh belia di Selangor adalah elemen pengetahuan. Selain itu, penemuan kajian juga jelas menunjukkan bahawa perbezaan jantina bukan penyebab utama kepada seseorang untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal. Manakala latar belakang belia iaitu etnik tidak mempunyai hubungan yang signifikan kepada penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal.

Bagi pengkaji akan datang, adalah dicadangkan kajian berkaitan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal dilakukan dengan lebih mendalam bagi mengetahui apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal seseorang, seperti faktor persekitaran sosial, faktor media dan kompetensi komunikasi pensyarah.

## RUJUKAN

- Abdul Latif., Adibah., Mohamed Kassim., & Norhidayah. (2010). *Persepsi Pelajar Tahun Akhir Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kompetensi Diri Semasa Menjalani Latihan Industri.* (*Unpublished*)
- Baharom, M., & Mohd Johdi, S. (2010). Pembangunan modal insan sebagai suatu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara. *Prosiding seminar pembangunan modal insan*, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada 23-24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.
- Dawit, T. (2013). The effect of explicit reading strategy instruction on reading comprehension of upper primary grade students. *International Journal of Education*. 1-20.
- DeVito, J. A. (1995). *The interpersonal Communication Book*. The USA: Harper Collins Publisher.
- Faizullah, M. (2014). Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di Universiti. *Conference paper*, 1-11.
- Ghaffar, A., & Najib, M. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Hanim Sulaiman & Noor Hafisah Sapuan. (2010). *Kemahiran Generik Yang Diperoleh Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG Semasa Menjalani Latihan Industri*. Diakses dari <http://eprints.utm.my/5945/>
- Hanim, S., & Noor Hafisah, S. (2010). *Kemahiran generik yang diperoleh pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG semasa menjalani Latihan Industri*. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/5945/>. Pada 10/03/2016.
- Hashim, F., Ishak, S., & Daud, M. (2009). *Kompetensi komunikasi dan pencapaian akademik pelajar IPTA: Pembangunan Akademik: Beberapa Isu*. Penerbit UTM Press, Skudai, Johor. 73-85.
- Ibrahim, M. S., Saedah, S., dan Hadiyanto, A. (2012). Pembangunan kompetensi utama pelajar di universiti: Satu kajian perbandingan antara Universiti Nasional di Malaysia dan Indonesia. *Proceeding International Education For All*, 1-14.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2015). *Indeks Belia Malaysia*. Diakses daripada [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my). Pada 15/4/2016.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Siaran Akhbar Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Malaysia*, Januari 2015. Diakses daripada [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my). Pada 27/ 4/2016.

- Johnson, K. (1981). *Commicative approaches and communicative processes in C.J Brumfit & K. Jhonsen (eds)*. 192-205.
- Joshua, R., & Deffany, K. S. L. (2013). Penggunaan kemahiran komunikasi pelajar latihan industri Politeknik Kuching Sarawak berdasarkan penilaian oleh pihak firma. *Jurnal Komunikasi*, 16-25.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2014). *Jumlah Pelajar Universiti Awam Malaysia*. Diakses daripada [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my).
- Khairul Anuar Rusli, Mohd Azrin Mohd Nasir, & Nurashikin Amir Hamzah. (2011). Relationship between interpersonal communication competence and students assertive behaviour. *Journal of Human Capital Development*, 4, 25-33.
- Maznah, M. (2014). Hasil Tenaga Kerja Menerusi portal Jobstreet Malaysia. *Utusan Online*. Diakses daripada [ww1.utusan.com.my](http://ww1.utusan.com.my) pada 6/02/2016
- Mohd Effendy (2010). Hubungan antara faktor demografi terhadap fobia pengucapan awam dalam kalangan pelajar politeknik: Suatu kajian awal. *Journal of Human Capital Development*. 3, 85-98.
- Mohd Najib Abd Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Hasanaa, N. M. (2010). Kebimbangan komunikasi di kalangan pelajar UTM: Satu reality atau mitos. *Jurnal komunikasi*. 5, 17-30.
- Nor Zalifah Salim. (2012). *Hubungan antara gaya pembelajaran dan kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar*. Master tesis, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Nurul, S. M. S., & M, Isha, A. (2014). Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JBPM*, 44-56.
- Salleh, L. M., & Noah, S. M. (2000). *The importance of oral communication among UPM Business Students*. Universiti Putra Press.
- Sani, M. I., Saedah, S., & Hadiyanto. (2010). *Pembangunan kompetensi utama pelajar-pelajar di universiti: Satu kajian perbandingan antara Universiti Nasional di Malaysia dan Indonesia*. Diakses daripada [umexpert.um.edu.my/file/publication/0011739\\_87867.pdf](http://umexpert.um.edu.my/file/publication/0011739_87867.pdf) pada 8/03.2016.
- Shamsuddin, B. (2015). *Belia perlu kikis sikap terlalu pilih pekerjaan tangani pengangguran*. Diakses daripada [Cuepacs.blogspot.my](http://Cuepacs.blogspot.my). Pada 26/4/2016.
- Spitzberg, B. H. & Cupach, W. R. (1984). *Interpersonal Communication Competence*. Beverly Hills, CA: SAGE.
- Utusan. (2014). *Punca Graduan Menganggur*. Diakses daripada [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my) pada 06/03/2016.

- Yamane, T. (1967). *Statistics: An Introductory Analysis*, 2nd Ed, New York: Harper and Row.
- Zanaton, H. K., Effendi, Z., Tamby, S., Kamisah, O., Denise, K, C. L., Diyana, M., & Parmela, K. (2012). Communication skills among university students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 71-76.

***Profil Penulis:***

***Arvin Lawrence Lampakas***

*Pelajar Sarjana Sains*

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*

*Universiti Putra Malaysia*

*arvin\_lawrence@hotmail.com*

***Wan Anita Wan Abas***

*Pensyarah Kanan*

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*

*Universiti Putra Malaysia*

*anita@upm.edu.my*